

16/5/17 BH

Krim jaga kulit guna keratin protein bulu ayam

➔ Penyelidik UMP manfaat bahan terbuang hasilkan produk Keraglow

Oleh **Amin Ridzuan Ishak**
aminridzuan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mengekstrak keratin protein daripada bulu ayam untuk dijadikan bahan bagi menghasilkan pelbagai produk penjagaan kulit dan rambut seperti krim antipenuaan serta syampu.

Kejayaan penyelidik membangunkan produk dikenali 'Keraglow' itu diketuai Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) UMP, Prof Madya Dr

Arun Gupta dan dibantu beberapa pelajarinya.

Ia bakal memberi manfaat berikutan bulu ayam yang sebelum ini hanya dibuang boleh dimanfaatkan untuk dijadikan sumber pendapatan.

Arun yang berasal dari India dan berpengalaman menghasilkan keratin, berkata beliau mula melokalkan penyelidikan untuk mencari kaedah mengekstrak keratin protein daripada bulu ayam sejak menyertai UMP pada 2009.

Atasi masalah pencemaran

"Ketika tiba di Malaysia, saya mendapati kos mengekstrak keratin daripada bulu biri-biri adalah mahal

dan saya beralih kepada bulu ayam yang lebih murah. Pada masa sama ia dapat membantu mengatasi masalah pencemaran akibat pembuangan bulu ayam di pasaran.

"Dalam tempoh 10 tahun ini, kami membangunkan pelbagai kaedah untuk mengekstrak serta menerima paten daripada Malaysia dan Amerika Syarikat, selain paten bagi beberapa produk kosmetik serta farmaseutikal," katanya kepada BH, baru-baru ini.

Arun berkata, keratin adalah struktur protein yang terkandung dalam rambut, kuku dan bahagian luaran kulit manusia manakala bio aktif keratin diekstrak daripada bulu ayam yang mana proses meng-

hasilkannya dilakukan menerusi kaedah melembutkan protein.

Rangsang sel kulit baharu

"Kaedah ini membolehkan ia berfungsi memperbaiki ketegangan kulit, merangsang sel kulit baharu, antiradang dan antioksidan yang sesuai dalam aspek melambatkan penuaan pada kulit," katanya.

Beliau berkata, pihaknya merancang untuk membangunkan kilang keratin halal pertama di Malaysia menerusi penyelidikan berkeajaan dan menghasilkan pelbagai produk.

"Kami sudah menubuhkan anak syarikat dikenali UMP-Keraglow Sdn Bhd yang akan mengeluarkan

350 keratin setiap hari dan kapasitiya dijangka ditingkatkan kepada 1,000 liter sehari dalam tempoh dua tahun.

"Kami juga merancang mengembangkannya ke luar negara dengan menjalankan kerjasama bersama rakan strategik atau menjadikan nya sebagai francais. Kami berharap membangunkan jenama 'Keraglow' sebagai jenama antarabangsa," katanya.

Katanya, pada masa ini pihaknya sudah mengeluarkan lima produk di bawah jenama Keraglow, iaitu krim antipenuaan, serum muka, pelembap, penyembur rambut dan syampu yang boleh dibeli menerusi laman web, Lazada.



Arun (tengah) bersama penyelidik UMP menunjukkan produk Keraglow dihasilkan daripada ekstrak protein bulu ayam.